

**KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI NEGARA
PEMANGKIN
PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR KE IPTA**

1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) prihatin dan komited untuk mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan berkualiti serta sentiasa mengutamakan kepuasan pelanggan terutamanya pelajar, ibu bapa dan masyarakat. Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) komited dalam memberi khidmat bantu terbaik kepada pihak-pihak berkepentingan di atas.

2. Iklan permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf Sesi Akademik 2009/2010 telah disiarkan dalam 8 akhbar perdana pada **1 Februari 2009 (Ahad)** dan akan disiarkan sekali lagi pada **1 Mac 2009 (Ahad)**. Siaran iklan sebanyak dua kali ini bertujuan untuk memastikan sebar luas maklumat permohonan kemasukan ke IPTA lebih menyeluruh.

3. Permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian dibuka mulai **3 Februari 2009 jam 12.00 tengah hari** yang lalu. Calon perlu mengemukakan permohonan dengan menggunakan **Nombor Unik ID** dan **Nombor Kad Pengenalan / My Kad serta Kata Laluan**. Tarikh tutup permohonan ialah **10 hari bekerja selepas keputusan peperiksaan SPM, STPM dan STAM tahun 2008** diumumkan.

4. Sehubungan itu, Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi telah membangunkan Laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA iaitu <http://upu.mohe.gov.my>. Laman web ini mengandungi e-panduan (syarat am dan syarat khas program, panduan permohonan),

e-borang (Lepasan SPM, STPM, STAM, Diploma), semakan status (permohonan, keputusan, panggilan temu duga, panggilan ujian serta pelbagai infomasi).

5. Sehubungan itu dalam memantapkan pelaksanaan permohonan kemasukan ke IPTA melalui **Aplikasi Dalam Talian**, pada sesi akademik 2009/2010 pemohon boleh membeli Nombor Unik ID **di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN)** atau di **semua mesin ATM (Auto Teller Machine)** yang **berfungsi 22 jam sehari** di seluruh negara serta **SMS Banking** bagi pemegang akaun BSN sehari selepas iklan pelawaan disiarkan sehingga tarikh tutup permohonan.

6. Statistik permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepasan SPM/setaraf dan STPM/Setaraf sehingga 24 Februari 2009 (jam 9.00 pagi) seperti berikut :
 - 6.1. Program Pengajian Lepasan SPM/Setaraf : **71,173 permohonan**
 - 6.2. Program Pengajian Lepasan STPM/Setaraf : **68,034 permohonan**
(*Termasuk Lepasan STPM, Matrikulasi, Asasi, Diploma Setaraf dan STAM*)

7. Justeru, pemohon **disarankan** agar mengemukakan permohonan awal melalui **Laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA**. Bagi pemohon Lepasan SPM 2008 wajib mengemukakan permohonan FASA 2 (Pengesahan Permohonan) dengan membuat pilihan program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA berkaitan. Begitu juga bagi pemohon Lepasan STPM boleh mengemukakan permohonan dan membuat pilihan program pengajian.

8. Semua pemohon dibenarkan mengemukakan **satu (1) kali** permohonan dan **tiga (3) kali** pengemaskinian sehingga tarikh tutup permohonan. Oleh itu, bagi pemohon yang telah mengemukakan permohonan awal hanya perlu membuat pengemaskinian pilihan program pengajian sahaja apabila keputusan rasmi peperiksaan awam SPM, STPM dan STAM Tahun 2008 diumumkan pada minggu kedua Mac 2009 nanti. Ini dapat melancarkan lagi proses mengemukakan permohonan mereka. Pelajar dinasihatkan supaya mencetak dan menyimpan borang permohonan sebagai bukti telah mengemukakan permohonan.
9. Selaras pelaksanaan **Program APEX oleh KPT**, pengurusan permohonan, pemprosesan, pemilihan, penawaran, hebahan dan rayuan bagi Universiti Sains Malaysia (USM – Universiti Program APEX) dikendalikan oleh USM sendiri. Justeru bagi calon yang ingin mengemukakan permohonan ke USM perlu mengemukakan terus melalui laman web rasmi USM di <https://pohon.usm.my>
10. Penyelarasan pemilihan antara IPTA dan USM akan dilaksanakan melalui senarai calon yang membuat pengesahan penerimaan tawaran yang ditawarkan oleh USM. Calon yang telah mengesahkan penerimaan tawaran ke USM sahaja akan digugurkan dari pangkalan data BPKP JPT untuk mengelakkan tawaran bertindih. **Hanya calon yang mengemukakan permohonan melalui BPKP JPT dan gagal mendapat tawaran ke USM atau menolak tawaran dari USM SAHAJA akan diproses serta dipertimbangkan dalam pemilihan kemasukan ke 19 IPTA yang diselaraskan oleh BPKP JPT.**

11. **Majlis Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur akan disempurnakan oleh YAB. Dato' Sri Mohd Najib B. Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, di Universiti Malaysia Pahang, pada 28 Februari 2009 (Sabtu), jam 10.00 pagi.** KPT mengalu-alukan kehadiran para pelajar, ibu bapa, masyarakat setempat serta semua lapisan masyarakat dalam mendapatkan maklumat mengenai peluang pengajian tinggi di negara kita.
12. Tema KPTN 2009 ialah “ **Kecemerlangan Pendidikan Teras Pembangunan Modal Insan** ” dengan *tagline* “ **Jom Masuk U** ” bertujuan untuk mendidik dan memotivasikan para pemohon dalam usaha memperoleh maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi di Malaysia.
13. Objektif program adalah menjadi Pusat Seheniti (*One Stop Centre*) bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembiayaan bagi Lulusan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf.
14. Aktiviti menarik sepanjang KPTN 2009 adalah seperti berikut :
 - 14.1 Sesi forum yang interaktif dan berfokus kepada Guru Bimbingan & Kaunseling oleh IPTA, Bahagian/Agensi KPT/KPM seperti PTPTN, MQA, BMKPM, JPPKK dan JPT ;
 - 14.2 Pameran Pendidikan “**Jom Masuk U**” ;
 - 14.3 Kuiz “Jom Masuk U” dan Cabutan Bertuah kepada pengunjung ;
 - 14.4 Penyediaan brosur program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA , IPTS, Politeknik, Kolej Komuniti dan pelbagai agensi lain ;

- 14.5 Khidmat bimbingan & kaunseling dan runding cara ;
 - 14.6 Menyediakan *kiosk* permohonan kemasukan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian ; dan
 - 14.7 Sesi Ceramah/Taklimat oleh IPTA kepada pelajar.
15. Dalam meningkatkan kesedaran sains dan teknologi kepada pengunjung, KPT dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menampilkan Program Angkasawan Negara iaitu **Mejar Dr. Faiz Khaleed** yang akan menyampaikan taklimat dan ceramah kepada pelajar serta sesi suai mesra sepanjang karnival ini.
16. Sejak Januari 2009, program ini telah menjelajah ke **tiga (3) zon** dari **lapan (8) zon** yang ditetapkan. Dikenal pasti sejumlah **38,000** pelawat telah mengunjungi pameran pendidikan “Jom Masuk U” dan sejumlah **300 (35%)** Guru Bimbingan dan Kaunseling telah menghadiri forum. Di Zon Timur, KPT menganggarkan lebih **10,000** pelawat akan mengunjungi karnival ini dengan mengambil kira momentum masa kini dengan jangkaan keputusan rasmi peperiksaan awam SPM, STPM dan STAM 2008 akan diumumkan pada minggu kedua Mac 2009. Justeru adalah wajar pemohon, ibu bapa dan guru merebut peluang keemasan untuk mengunjungi karnival ini, untuk mendapatkan maklumat terkini dan tepat mengenai peluang pendidikan tinggi bagi kumpulan sasaran yang dimaksudkan.
17. Bagi pemohon yang memerlukan bimbingan dan kaunseling mengenai strategi membuat pilihan program pengajian yang tepat dan bijak serta laluan kemasukan ke institusi pendidikan tinggi boleh mengunjungi *booth* pameran pendidikan yang disediakan. KPT juga menyediakan *kiosk*

Aplikasi Dalam Talian untuk membantu para pemohon bagi mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA.

18. Justeru calon dinasihatkan agar membuat pilihan program pengajian yang tepat mengikut kelayakan akademik, cita-cita, minat serta pilihan IPTA yang dikehendaki.

**Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**

Februari 2009

